

**MAJLIS RAMAH MESRA PELAJAR BARU
SIDANG AKADEMIK 2009/2010
SEMPENA
PROGRAM SAMBUTAN SISWA SISWI BAGI SIDANG
AKADEMIK 2009/2010**

Teks Ucapan

**Y.Bhg. BRIG. JENERAL DATO' PROF. DR. KAMARUDIN
HUSSIN**

Naib Canselor

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

pada 1 Julai 2009, di Dewan 2020, Kangar, Perlis.

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan
Salam Sejahtera.

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan
Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi),

Pegawai-Pegawai Utama Universiti.

Dekan – Dekan Dan Ketua-Ketua Jabatan, Wakil-Wakil Media.

Barisan Urusetia Minggu Suaikenal Serta Pembantu-
Pembantu Pelajar Minggu Suaikenal,

Yang dikasihi pelajar-pelajar baru Universiti Malaysia Perlis
bagi sidang akademik 2009/2010.

Ladies and Gentlemen,

Selamat petang, Good Evening, Wa Shang Hao, Malai Vannakam, Masa' Hunhair.

Praise be to Allah S.W.T for giving us the opportunity to gather here this evening in this cultural occasion. I am honored to have all of you in this hall while we enjoy the cultural performance tonight.

I was sitting in my room earlier this evening, and a thought came to my mind. I was thinking about 'attitude'. So tonight, I want to share a proverb that means a lot to me and has some influence on my life. "*Attitude is a little thing that makes a big difference....*" Can you understand what it means? Allow me to explain it to you and I want you to bear it in mind.... **You cannot control what happen to you, but you can control your attitude towards what has happened to you, and in that way, you will be mastering change rather than allowing it to master you....**

Ladies and Gentlemen,

We cannot change the inevitable. The one strong act we can do is to play on the one string that we have, and that is our attitude. I am convinced that life is 10% of what has happened to me and 90% more is on how I react to it. And so be it with you, that YOU are fully in charged of your attitude.

So, all students in this hall please wake up. Change your attitude. You are no longer in school but you are now in the university. I suggest that you value each day of your university experience. And I wish you would find that balance of wit and strength in your university years. I advise you to work on the edge of your capabilities. You'll find that it is not as difficult as it may seem but the result of such work cannot be compared to anything else.

Besides, you would know that nothing more could be done when you have given your best. This is the recipe of the best education - to do your best. You are now studying in a wonderful university which provides you with the great educational footage. Use it and value it! To Yemenis students, you've been recognized as the best students, because you are awarded with the scholarship. But even this is not enough for tomorrow; as for today you are students and tomorrow you will be in the workforce. You have to live up to good principles in life, no matter who you will be in the future or what your life will be like.

Life is neither short nor long. It can be measured by your experience, memory and cooperation with other people. It is either deep and full of sense, or routine and senseless. Only you decide what you would do of it.

You are special students. You are the pride and inspiration. Keep that feeling of recognition! It is wonderful and worth remembering for. Strive for even better feeling - the feeling of

sharing. Remember: the more you give, the more you receive. I wish you success, our prayers and guidance will always be with you.

One more thing, I have been told that there will also be a performance by the Yemenis students. I am very excited to see what you are going to show us tonight. I am sure it will be an interesting performance. Please keep up the good spirit, not only for tonight but also in other cultural occasions in the near future. On behalf of the secretariat, I would like to say thank you and we really appreciate your effort. Once again, "Welcome to UniMAP big families" or Ahlan Wasahlan Wa Marhabanbikum to all students. Thank You.

Hadirin Sekalian,

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya dapat kita berkumpul pada malam ini dalam suasana yang penuh keceriaan dan ketenangan. Sudah beberapa hari, dewan ini menjadi saksi kepada pertemuan kita untuk berkenalan dan merapatkan hubungan silaturrahim antara kita.

Saya pasti pelbagai kenangan manis dan pahit telah anda kumpulkan dan kini tibalah kepada malam untuk kita merehatkan minda dan melapangkan hati iaitu malam Ramah Mesra Pelajar atau secara tepatnya Malam Kebudayaan Pelajar Baru UniMAP.

Hadirin Sekalian,

Bertepatan dengan majlis kita malam ini iaitu majlis kebudayaan, saya ingin memulakan ucapan saya pada malam ini, dengan menyampaikan sebuah puisi khas untuk anda yang sudi hadir pada malam ini.

*Hadirmu Kedunia Memberi Sinar Kepada Kami,
Sinar Kebahagiaan Yang Tiada Terperi,
Kau Dibelai Dan Dimanja, Segala Kemahuan Mu Kami Turuti,
Aku Pasti Sehingga Tiada Yang Bisa Menggugat Kegembiraan
Kita,
Masa Yang Berlalu Seakan Berlari Meninggalkan Kita,
Kau Semakin Dewasa Tanpa Aku Menyedarinya,
Aku Masih Gembira, Namun Dalam Gembiraku Ada Terselit
Duka,
Ku Akui Hati Ini, Kadang – Kala Terguris Dek Kenakalan Dan
Tutur Katamu, Tetapi
Manapun Bisa Aku Memaling Daripadamu, Kerna Kau Adalah
Penyeri Hati Ku.
Wahai Anakku,
Kini Kau Sudah Dewasa, Kakimu Sudahpun Melangkah Ke
Menara Gading, Tiada Apa Yang Kami Minta,
Cuma Nikmat Kegembiraan, Takala Kau Menggenggam
Segulung Ijazah Kelak.
Kabullah Harapan Ayah Dan Ibumu Ini....*

-nukilan mimie_ary 22/6/09

Hadirin Sekalian,

Kebudayaan dalam pengertian yang paling umum merupakan seluruh cara hidup sesuatu masyarakat atau seluruh aspek pemikiran dan tingkah laku manusia yang diwarisi dari satu generasi ke generasi yang lain melalui proses pembelajaran.

Tetapi dalam pertuturan sehari-hari, kebanyakan daripada kita membuat pengertian kebudayaan atau mengaitkan dengan fenomena-fenomena seperti bentuk tarian dan muzik, makanan, fesyen pakaian sahaja. Jadi pengertian di sini adalah terlalu sempit dan terhad. Tetapi bagi ahli sains sosial, pengertian kepada konsep kebudayaan ini lebih luas.

Malah dari perspektif sosiologi kebudayaan membawa pengertian segala hasil dan idea yang dipelajari dan dikongsi oleh ahli-ahli dalam sebuah masyarakat. Ini termasuklah segala kepercayaan, nilai-nilai politik, adat resam, undang-undang, moral, institusi sosial, seni lukis, dan bahasa.

Ingin saya kongsikan bersama anda, takrif klasik mengenai konsep kebudayaan oleh Edward B.Taylor.

"kebudayaan merupakan satu keseluruhan yang kompleks yang mengandungi ilmu pengetahuan, kepercayaan, kesenian, kesusilaan, undang-undang, adat resam dan lain-lain kebolehan serta kebiasaan yang diperolehi oleh manusia sebagai anggota masyarakat."

Oleh itu, saya berharap para pelajar UniMAP yang berada di hadapan saya ini akan melengkapkan diri mereka dengan kebudayaan. Saya mahu jurutera kelahiran UniMAP ini mempunyai nilai diri yang lengkap, tidak hanya mampu ‘berkomunikasi’ dengan mesin tetapi mampu mengharungi segala cabaran bersama dengan masyarakat persekitarannya.

Hadirin sekalian,

Sebagai Naib Canselor UniMAP, saya menyokong penuh usaha yang dijalankan oleh pihak sekretariat kerana turut menyelit program kebudayaan dalam program Suaikenal ini.

Saya mahu semua pelajar aktif dalam seni dan kebudayaan, buktikan walaupun anda pelajar aliran teknikal yakni kejuruteraan, anda mampu beraksi di atas pentas dan kaburkan mata yang memandang sehingga mereka lupa bahawa andalah suatu hari nanti yang akan penuhkan Malaysia dengan pelbagai teknologi dan rekaan terkini permodenan.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pihak secretariat kerana telah berjaya menganjurkan program ini tanpa sebarang halangan. Semoga usaha dan kerjasama ini akan berterusan di masa-masa akan datang.

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.